05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BUKU PANDUAN TEKNIK PERMAINAN GITAR BAGI PEMAIN KIDAL

SUNIZA BIN MUSTAFA

LAPORAN PEMBANGUNAN PRODUK
DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## ABSTRAK

Laporan projek pembangunan Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal ini disediakan bagi memenuhi keperluan kursus APM6006 dalam Program Sarjana Pendidikan (Muzik), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Projek ini bertujuan untuk menyediakan buku panduan teknik permainan gitar bagi pemain kidal. Projek ini telah menggunakan kaedah analisa dokumen, temubual dan pemerhatian untuk mengumpul maklumat bagi menyediakan buku panduan. Semua data dan maklumat yang diperoleh telah dianalisa dan diklasifikasikan mengikut kategori dan tema. Seterusnya semua data dan maklumat disusun dan ditulis mengikut keperluan isi kandungan topik pembelajaran. Bagi memastikan kesuaian isi kandungan pembelajaran,temu bual telah dijalankan terhadap 3 orang responen yang terdiri dari pemuzik profesional yang aktif di dalam industri muzik tempatan dan antarabangsa. Dapatan dari temu bual tersebut menunjukkan bahawa semua respondan bersependapat dan bersetuju dengan aspek yang terkandung di dalam buku panduan yang dibangunkan ini. Walaubagaimanapun terdapat juga beberapa kelemahan yang boleh diperbaiki bagi siri penerbitan Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal yang akan datang.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPD DONE MyTO SCAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## ABSTRACT

Progress Report on the Development of the Handbook of Guitar Technique for Left-handed Guitarist is prepared in accordance to the prerequisite of the APM6006 course of Master of Education (Music), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The project was to develop a handbook for left-handed guitar techniques. This project had used the method of documents analysis, interviews and observation for the purpose of gathering data for the handbook. All the data and information were analysed classified according to categories and theme's. Subsequently, all the data and information were arranged and written according to topic for the learning contents. To ensure the suitableness of the contents of handbook, interviews were done to three respondents comprised of professional musicians that are active in the local and international music industries. The data from interviews had shown that all the respondents agreed to the aspects that had been included in the handbook. However, there were also some weaknesses that could be improved for the future publication series of Handbook of Guitar Technique for Left-handed Guitarist.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# KANDUNGAN

| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PENGAKUAN** | | **ii** |
| **DECLARATION** | | **iii** |
| **PENGHARGAAN** | | **iv** |
| **ABSTRAK** | | **v** |
| **ABSTRACT** | | **vi** |
| **SENARAI KANDUNGAN** | | **vii** |
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar belakang Projek | 1 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 2 |
| 1.4 | Tujuan Projek | 3 |
| 1.5 | Objektif Khusus | 3 |
| 1.6 | Kepentingan Projek | 3 |
| 1.7 | Persoalan Projek | 4 |
| 1.8 | Batasan Projek | 4 |
| 1.9 | Definisi Istilah | 4 |
| | 1.9.1 Buku Panduan | |
| | 1.9.2 Kidal | |
| | 1.9.3 Latihan | |
| | 1.9.4 Penjarian | |
| 1.10 | Rumusan | 5 |
| **BAB 2** | **PROSEDUR MEMBANGUNKAN PROJEK** | |
| 2.1 | Pengenalan | 6 |
| 2.2 | Mengumpul Data dan Maklumat Teknik Permainan | 8 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gitar Bagi Pemain Kidal

2.2.1 Temubual 8

2.2.2 Pemerhatian 9

2.2.3 Rakaman Video dan Gambar 9

2.2.4 Nota Lapangan 10

2.2.5 Analisa Dokumentasi 10

2.3 Analisa dan Mengklasifikasikan Data Diperoleh Mengikut Kategori dan Tema 11

2.4 Pembangunan Buku Panduan 11

2.5 Penilaian Pakar 12

2.6 Rumusan 12

**BAB 3 DAPATAN DAN PEMBANGUNAN PRODUK**

3.1 Pengenalan 13

3.2 Kandungan Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal 13

3.3 Reka Bentuk Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal 16

3.3.1 Analisa Dapatan Penilaian Pakar 16

3.3.2 Latar Belakang Responden 17

3.3.3 Pengalaman Responden Sebagai Pemuzik 18

3.3.4 Kesesuaian Buku Panduan Ini Dalam Penggunaannya Secara Pembelajaran Kendiri. 19

3.3.5 Tanggapan Awal Responden Terhadap Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal dan kesesuaiannya menjadi bahan sumber pengajaran dan pembelajaran Teknik Permainan 19


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gitar Bagi Pemain Kidal.

3.4 Rumusan 20

**BAB 4 RUMUSAN DAN CADANGAN**

4.1 Pengenalan 21

4.2 Ringkasan Produk 21

4.3 Fungsi Produk 22

4.4 Sasaran Pengguna 22

4.5 Kekuatan dan Kelemahan Produk 23

4.4.1 Kekuatan 23

4.4.2 Kelemahan 24

4.6 Cadangan Penambahbaikan 24

4.7 Rumusan 25

**RUJUKAN** 26

**SENARAI JADUAL** x

**SENARAI RAJAH** xi

**SENARAI LAMPIRAN** xii

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# SENARAI JADUAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Isi Kandungan Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal | 15 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Proses Pembangunan Produk | 7 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# SENARAI LAMPIRAN

**No. Lampiran**


1 Protokol Temu Bual Fasa 1

2 Protokol Temu Bual Fasa 2

3 Senarai Semak Kandungan Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB I

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan kepada latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, objektif projek, kepentingan kajian, persoalan projek dan batasan projek. Seterusnya bab ini akan merungkaikan permasalahan bahan rujukan bagi pemain gitar yang menggunakan tangan kiri atau bermain secara kidal.

## 1.2 Latar Belakang Projek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lazimnya cara bermain gitar sering dilihat menggunakan tangan kanan iaitu tangan kanan akan memetik dan tangan kiri akan memegang tali pada *fingerboard.* Kedudukan susunan tali pula adalah tali pertama bermula dari bawah sehingga tali ke-enam yang paling atas. Perkara ini berbeza dengan pemain gitar yang menggunakan tangan kiri atau lebih dikenali bermain secara kidal di mana tangan kiri berperanan sebagai memetik tali dan tangan kanan memegang atau menekan tali pada *fingerboard*. Kedudukan susunan tali juga turut berubah di mana kedudukan tali pertama bermula dari atas sehingga tali ke-enam berada di kedudukan yang paling bawah. Perkara ini berlaku kerana kebanyakan pemain kidal ini mula bermain menggunakan gitar yang diguna pakai oleh pemain gitar tangan kanan. Ini akan menyebabkan banyak perkara atau kesulitan yang berlaku terhadap pemain kidal ini ketika memainkan gitar tersebut antaranya ialah kedudukan penjarian pada tangan kanan ketika memegang kord dan bermain skel perlu diatur semula dan posisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tangan kiri ketika memetik juga perlu betulkan kedudukan kerana terganggu oleh

kedudukan *volume knob* dan *tremolo bar.* Antara faktor lain yang mempengaruhi perkara ini berlaku adalah faktor ekonomi kerana kos yang tinggi diperlukan untuk membeli gitar untuk bermain secara kidal dan gitar tersebut dianggap terhad atau *limited edition.* Perkara ini banyak berlaku bagi pemain gitar pada awal 70an hingga awal 90an terutamanya yang hidup berpendapatan rendah di kampung-kampung termasuk di bandar-bandar kecil. Namun perkara ini mula ketara berubah pada awal tahun 2000 di mana keadaan ekonomi yang semakin baik dan kemasukan gitar kidal dari negara luar juga mula bertambah dan pelbagai. Oleh itu, ramai pemain gitar kidal mula memiliki gitar tersebut. Ada juga yang mula mengubah kedudukan tali seperti kedudukan tali bagi pemain gitar kanan. Maka dengan adanya gitar berbentuk kidal ini maka banyak teknik permainan dapat dilakukan sepertimana pemain tangan kanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.3 Penyataan Masalah

Kebanyakan gitar yang berada di pasaran adalah bagi kegunaan pemain gitar menggunakan tangan kanan. Gitar bagi pemain gitar kidal amat jarang di temui dan ianya perlu ditempah awal untuk membeli. Oleh yang demikian, pemain gitar kidal terpaksa menggunakan gitar kanan untuk berlatih. Keadaan ini memaksa pemain kidal bermain dalam keadaan kedudukan tali yang terbalik. Perkara ini terus berlarutan sehingga ianya menjadi kebiasaan bermain menggunakan kedudukan tali yang terbalik. Ini akan menimbulkan beberapa kesukaran kerana kedudukan penjarian perlu diolah semula mengikut keselesaan dan kesesuaian kord serta skel yang hendak dimainkan. Apabila perkara ini berlaku, maka timbul pula beberapa kesukaran mencari bahan rujukan bagi kedudukan penjarian pemain gitar secara kidal ini kerana kebanyakan bahan rujukan yang ada di pasaran adalah untuk pemain gitar menggunakan tangan kanan manakala bahan rujukan bagi pemain gitar

secara kidal amat jarang ditemui di pasaran. Maka pemain gitar kidal ini mula mengolah dan berimaginasi sendiri bagi menyusun kedudukan penjarian ketika bermain mengikut logik akal semata-mata.

### 1.4 Tujuan Projek

i) Membangunkan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'.

### 1.5 Objektif Projek

i) Menyediakan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'.

### 1.6 Kepentingan Projek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia dapat membantu pemain gitar menggunakan tangan kiri mempelajari secara formal berbanding kaedah pembelajaran sebelumnya yang hanya lebih dikenali dengan cara '*by heart*'. Kebanyakannya hanya belajar melalui cara menghafal serta meniru dari pemain gitar yang lain. Kebanyakan mereka akan membuat susunan penjarian mengikut keselesaan masing-masing sahaja. Melalui projek ini juga, pemain gitar yang menggunakan tangan kiri akan lebih bersistematik dari segi kedudukan susunan jari ketika bermain skel-skel tertentu. Hasil penghasilan projek ini juga boleh diaplikasikan kepada pelajar sekolah dan IPTA/S serta menjadi sebahagian dari silibus teknik bermain gitar dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.7 Persoalan Projek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Projek ini akan menjawab persoalan berikut :

i. Apakah kandungan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'?

ii. Bagaimanakah reka bentuk 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'?

## 1.8 Batasan Projek

Projek pembangunan produk ini terbahagi kepada dua aspek utama iaitu proses pengumpulan data dan proses membangunkan buku panduan. Pengumpulan maklumat teknik permainan gitar bagi pemain kidal hanya berfokus kepada pemain gitar yang menggunakan susunan tali secara terbalik berbanding pemain gitar yang menggunakan tangan kanan.

## 1.9 Definisi Istilah

### 1.9.1 Buku Panduan

Buku panduan adalah sebuah buku yang menjadi panduan dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan.

### 1.9.2 Kidal

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, kidal bermaksud 1. Kiri; tangan ~ tangan kiri; 2. Gemar (cenderung) menggunakan tangan kiri (apabila membuat sesuatu).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.3 Latihan

Latihan bermaksud "*pelajaran atau didikan untuk memahirkan (membiasakan), ajaran yang diterima: doktor telah menerima ~ yang cukup untuk menjalankan kerjanya; ~ amali latihan dengan mengerjakan (mengamalkan) sendiri (sains dll); ~ asas latihan permulaan; ~ badan pelajaran gerak badan (olah raga dll); ~ ilmiah latihan bertulis untuk mendapat ijazah (sarjana dll)*"- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.4 Penjarian

Terjemahan penjarian menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005) ialah "*(...) teknik menggunakan jari dalam bermain alat muzik, khususnya alat tiupan, alat tali dan papan nada.*"

## 1.10 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam bab ini secara keseluruhannya telah menerangkan berkaitan latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, objektif khusus, kepentingan projek, persoalan projek, batasan projek dan definisi istilah. Projek ini memberi fokus untuk membangunkan sebuah buku panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal beserta gambar rajah serta notasi bagi penjarian dan latihan. Penggunaan sistem notasi barat digunakan bagi membantu mencapai matlamat pembangunan projek ini yang akan didokumentasikan sebagai bahan rujukan pengajaran di peringkat sekolah, kolej dan universiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

## 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan prosedur membangunkan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'. Secara umumnya terdapat beberapa prosedur dan langkah yang telah digunakan bagi penghasilan produk ini iaitu:

2.1.1 Mengumpul Data dan Maklumat Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal

2.1.2 Mengklasifikasikan Data Yang Diperolehi Mengikut Kategori dan Tema

2.1.3 Menyemak, Menyunting dan Manuskirp Data Mengikut Topik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses membangunkan produk ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Rajah 1 di bawah akan menunjukkan dengan lebih jelas prosedur pembangunan produk Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




**Rajah 1 : Proses Pembangunan Produk**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.2 Mengumpul Data dan Maklumat Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kaedah telah digunakan dalam proses mengumpul data dan maklumat teknik permainan gitar bagi pemain kidal. Antara kaedah yang telah digunakan ialah temubual, pemerhatian, rakaman video dan gambar, nota lapangan serta analisa dan pengklasifikasian data.

### 2.2.1 Temubual

Secara asasnya, kaedah temubual terbahagi kepada tiga iaitu temubual berstruktur, temubual separa struktur dan temubual tidak berstruktur. Namun bagi tujuan penghasilan projek ini, kaedah temubual separa struktur dipilih kerana proses temubual akan menjadi lebih fleksibel dan santai. Keadaan ini membolehkan informan menjadi lebih selesa dan secara tidak langsung ia akan menghasilkan satu kefahaman dan pemahaman yang tinggi kerana terdapat beberapa maklumat tambahan yang telah diperoleh. Terdapat juga beberapa soalan tambahan telah diajukan kepada informan mengikut keperluan ketika temubual tersebut dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi mencapai tujuan projek ini, informan yang dipilih ialah En Rahman Mahmod atau lebih dikenali dengan panggilan Man Keedal. Beliau merupakan pemain gitar bagi kumpulan Lefthanded yang popular sekitar tahun 80an dan 90an. Selain itu, beliau juga merupakan pemuzik bebas mengiringi persembahan artis dalam dan luar negara serta menjadi penerbit album bagi beberapa orang artis tempatan seperti Ella, Hattan, Shima dan ramai lagi. Beliau dipilih sebagai informan utama kerana beliau juga merupakan seorang pemain gitar yang bermain secara kidal dan begitu mahir sehingga beliau pernah dijemput untuk membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persembahan secara solo oleh "*Malaysian Philharmonic Orchestra*" dan "*Russian Philharmonic Orchestra*".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diantara soalan-soalan yang dikemukan kepada informan bagi mengumpul data dan maklumat berkaitan adalah berfokus kepada:

a. Penjarian tangan kanan dan kiri
b. Postur semasa bermain gitar (duduk & berdiri)
c. Teknik memetik (*picking*)
d. Posisi jari memainkan skel dan kord

### 2.2.2 Pemerhatian

Melalui kaedah ini, tumpuan pemerhatian berfokus kepada teknik penyampaian (demonstrasi permainan) oleh informan semasa proses temu bual dijalankan dan ianya dirakam menggunakan kamera video bagi tujuan analisis data berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.2.3 Rakaman Video dan Gambar

Kaedah ini turut digunakan bagi menyempurnakan projek ini kerana kaedah ini mempunyai kelebihan untuk diperdengar dan dipertontonkan secara berulang kali bagi membolehkan penulis mendapat data dan maklumat yang berkaitan proses membangunkan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'. Melalui penggunaan kaedah ini, masalah kehilangan sumber maklumat penting serta terlupa dapat dielakkan. Walau bagaimana pun, ianya perlu seiring dengan kaedah format temu bual separa struktur yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rakaman video, audio dan gambar terhadap informan dilakukan semasa proses temu bual dijalankan. Ini adalah penting kerana informan akan membuat demontrasi berkaitan soalan serta informasi tambahan berkaitannya. Ini bagi membolehkan penulis membuat analisa segala data dan maklumat yang diperoleh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.2.4 Nota Lapangan

Membuat perancangan berkaitan proses mendapatkan data dari informan termasuk menyediakan struktur soalan utama dan beberapa soalan tambahan mengikut situasi dan respon dari informan. Hasil pemerhatian dan dapatan informasi dari informan perlu diisi kedalam nota lapangan. Semua hasil dapatan berbentuk video, audio dan visual perlu dianalisa bagi mengklafisikasikan segala data mengikut kategori dan tema.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.2.5 Analisa Dokumentasi

Setelah dianalisa semua maklumat dan data yang diperoleh, penulis mengkategorikannya agar segala data tersebut dapat dipilih dengan tepat berdasarkan keperluan dalam membangunkan ‘Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal’. Ini akan mengelakkan pengolahan data yang kurang tepat dan tidak relevan dengan tujuan projek. Merriam (2001) menyatakan analisa data merupakan proses yang kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep abstrak, antara penaklukan induktif dan deduktif, antara deskripsi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.3 Analisa Dan Mengklasifikasikan Data Yang Diperolehi Mengikut Kategori dan Tema

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses ini adalah penting kerana segala data dan maklumat yang diperolehi perlu dianalisa dan seterusnya diklasifikasikan mengikut kategori dan tema bagi tujuan membangunkan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'. Oleh yang demikian, semua proses tersebut memerlukan perancangan dan penelitian yang bersistematik bagi memastikan penghasilan buku panduan ini lebih berguna dan bermanfaat buat semua lapisan masyarakat serta dijadikan salah satu bahan rujukan untuk bermain gitar bagi pemain kidal.

## 2.4 Pembangunan Buku Panduan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pembangunan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal' ini merupakan Fasa ke-2 di dalam prosedur pembangunan produk. Ianya dimulakan dengan proses menyemak, menyunting dan mengklasifikasikan data mengikut topik. Proses ini juga merupakan antara yang terpenting bagi penghasilan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal' kerana segala menggunaan bahasa(teks), grafik dan kesuaian contoh akan menarik minat pembaca serta lebih mudah difahami. Oleh yang demikian, ketelitian bagi memastikan tiada kesalahan teknikal amat penting sebelum proses penerbitan dan percetakan dibuat. Ini adalah penting kerana penggunaan bahasa(teks) adalah merupakan medium utama penyampaian maklumat 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'.

Kamus Dewan Edisi Keempat turut digunakan sebagai rujukan penggunaan bahasa dan tatabahasa yang betul serta memberi definisi bagi beberapa istilah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tertentu. Ini termasuklah membuat semakan ejaan dan makna perkataan ketika

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses analisa teks dari informan. Beberapa orang guru bahasa dan pensyarah muzik telah dirujuk bagi tujuan proses tersebut.

## 2.5 Penilaian Pakar

Setelah selesai proses menyemak, menyunting dan mengklasifikasikan data mengikut topik pembangunan draf Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal penulis telah merujuk semua hasil proses tersebut kepada penilai pakar bagi tujuan pembetulan dan penambahbaikan. Ini bagi memastikan penghasilan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal' mencapai matlamat sebelum ianya diperakukan untuk dicetak dan diguna pakai.

## 2.6 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini telah membincangkan beberapa prosidur membangunkan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal' seperti mengumpul data dan maklumat teknik permainan gitar bagi pemain kidal, mengklasifikasikan data yang diperoleh mengikut kategori dan tema serta menyemak, menyunting dan manuskirp data mengikut topik. Bab ini juga menitik beratkan perancangan dan penelitian yang bersistematik terhadap semua prosidur membangunkan buku panduan ini. Oleh yang demikian adalah diharapkan penghasilan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal' dapat direalisasikan dan akan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## Dapatan Dan Pembangunan Produk

### 3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan dan memperjelaskan perkara berkaitan pembangunan produk iaitu 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'. Selain itu, maklumat dari temubual terhadap respondan berkaitan membangunkan produk ini juga turut dibincangkan sehingga ianya menjadi salah satu sumber rujukan teknik permainan gitar bagi pemain kidal. Penulisan ini bertujuan untuk menjawab persoalan tentang:

i) Apakah kandungan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Bagaimanakah reka bentuk 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal'?

### 3.2 Kandungan Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal

Berdasarkan data dan maklumat yang diperoleh dari proses, temubual, pemerhatian, rakaman video dan gambar, nota lapangan serta analisa dan pengklasifikasian data, penulis telah dapat mengenal pasti kandungan dan pecahan topik yang diperlukan untuk dimasukkan ke dalam Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal ini.

Secara umumnya hampir tiada perbezaan teknik permainan gitar secara kidal berbanding bermain gitar menggunakan tangan kanan. Namun teknik permainan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gitar secara kidal ini adalah merujuk kepada kedudukan tali gitar tersebut. Kedudukan tali bagi pemain gitar kanan adalah tali satu berada paling bawah dan tali keenam adalah yang paling atas. Namun keadaan ini berbeza bagi pemain gitar secara kidal menurut konteks ini dimana kedudukan talinya berbeza iaitu kedudukan tali satu berada paling atas manakala kedudukan tali ke-enam berada paling bawah. Antara teknik yang diberi penekanan di dalam 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal' ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Penjarian Tangan Kiri dan Kanan
ii) Teknik Memetik (*Picking*)
iii) Postur Bermain Gitar Ketika Duduk dan Berdiri
iv) Penjarian memegang kord
v) Penjarian memainkan skel (major dan minor)
vi) Penjarian memainkan *arpeggios*
vii) Penjarian memainkan *diminished*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menentukan susun atur kandungan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal', penulis telah membuat rujukan melalui bahan-bahan sedia ada yang telah diterbitkan seperti 'Learn To Play Guitar Country; Phil Capone (2012), 'Panduan Pengajaran Muzik Tahun 1 KSSR; Kementerian Pelajaran Malaysia (2010), 'Asas Pendidikan Muzik 1 KBSR; Mastor Hj Jarkaseh (2007), 'Asas Pendidikan Muzik 2 KBSR; Mohd Azam Sulong dan Mastor Hj Jarkaseh (2009), 'Asas Latihan Pengisian Dan Pergerakan Bebas Bermain Drum Jilid 1; Zahid Ahmad (2013).

Setelah berbincang bersama pensyarah pembimbing, gaya penulisan yang akan digunakan bagi penghasilan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemain Kidal' adalah menggunakan penulisan Gaya Dewan. Penulisan Gaya Dewan adalah panduan yang digunakan secara khas oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam penerbitan buku-buku berkaitan yang diterbitkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil rujukan dari sumber penerbitan terdahulu dan perbincangan bersama pensyarah pembimbing, maka susunan kandungan 'Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal' adalah seperti Jadual 1 di bawah:

| | |
|---|---|
| **TOPIK 1** | Pemilihan Gitar |
| **TOPIK 2** | Organologi Gitar |
| **TOPIK 3** | Membaca Notasi (Balok & TAB) |
| **TOPIK 4** | Postur Bermain gitar (duduk dan berdiri) |
| **TOPIK 5** | Talaan |
| **TOPIK 6** | Penjarian Tangan Memetik (*plectrum*) |
| **TOPIK 7** | Penjarian Tangan Pada *Fingerboard* |
| **TOPIK 8** | Teknik Memetik Mudah |
| **TOPIK 9** | Penjarian Bermain Skel Major dan Minor |
| **TOPIK 10** | Penjarian Bermain Kord |
| **TOPIK 11** | Penjarian *Licks* Mudah |
| **TOPIK 12** | Penjarian Minor Triads Arpeggios(*licks*) |
| **TOPIK 13** | Penjarian Major Triads Arpeggios(*licks*) |
| **TOPIK 14** | Penjarian Diminished (*licks*) |
| **TOPIK 15** | Penjarian *Power Chord* |
| **TOPIK 16** | Contoh Penjarian *Riff* Dalam Lagu |

**Jadual 1: Isi Kandungan Buku Panduan Teknik Permainan Gitar Bagi Pemain Kidal**